



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

**MODUL
PERKEMBANGAN PEMBELAJARAN
SPM 2026**

MPP 3

**PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 2**

Nama :

Kelas :



DISEDIAKAN OLEH PANEL AKRAM NEGERI TERENGGANU

Tidak dibenarkan menyunting atau mencetak mana-mana bahagian dalam
modul ini tanpa kebenaran Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu



Bahagian A
[60 markah]

PPC 2026 - TERENGGANU

Jawab semua soalan.

- 1 (a) Perniagaan Agnes membeli sebuah mesin bernilai RM90 000 pada 1 Mac 2020. Susut nilai mesin ditetapkan 15% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Pada 28 Februari 2025, mesin direkodkan pada harga asal walau nilainya telah berkurang.

Nyatakan dua andaian atau prinsip yang diamalkan oleh Perniagaan Agnes.

[2 markah]

- (b) Namakan dokumen yang digunakan dalam urus niaga di bawah:

Urusniaga	Dokumen
(i) Ambilan tunai di bank.	
(ii) Caj bank dikenakan oleh pihak bank.	

[2 markah]

- (c) Nyatakan jenis kesilapan yang berlaku bagi urus niaga berikut:
- (i) Belanja Am yang dibayar secara tunai telah direkod di bahagian debit Buku Tunai dan dikreditkan di Akaun Belanja am.
 - (ii) Jualan tunai RM754 direkodkan sebagai RM745.

[2 markah]

- (d) Pada 1 Januari 2025, Syarikat Lee Teng Bhd. telah menerbitkan syer berikut:

100 000 unit Syer Biasa pada harga RM2 sesyer
100 000 unit 5% Syer Keutamaan pada harga RM3 sesyer

Hitung dividen syer keutamaan pada 31 Disember 2025.

[2 markah]

- (e) Data berikut diperoleh daripada Kilang Perabot Haikal pada 31 Mei 2026.

	RM
Mesin potong kayu	50 000
Kayu	102 500
Upah pekerja kilang	98 000
Alat-alat kecil	2 980

Hitung kos pengeluaran.

[2 markah]

- 2 Azreen dan Liana ialah pekongsi dalam Az & Lia Bakery World yang membekalkan barangan bakeri. Ikatan Perjanjian Perkongsian adalah seperti berikut:
- (i) Untung atau rugi diagihkan mengikut nisbah 3:2.
 - (ii) Gaji tahunan pekongsi Azreen dan Liana adalah RM24 000 masing-masing.
 - (iii) Faedah atas modal 5% setahun.
 - (iv) Faedah atas ambilan dikenakan 3% setahun.
 - (v) Faedah atas pinjaman pekongsi 8% setahun.
 - (vi) Elaun RM2 000 setahun kepada pekongsi Azreen.

Maklumat berikut diambil daripada buku perkongsian mereka:

	RM
Modal 1 Jun 2025:	
Azreen	60 000
Liana	40 000
Akaun Semasa 1 Jun 2025:	
Azreen	1 800 (dt)
Liana	3 600
Ambilan:	
Azreen (1 Ogos 2025)	1 000
Liana (1 Januari 2026)	2 000
Gaji Azreen	21 000
Gaji Liana	24 000
Perabot (kos)	18 400
Susut nilai terkumpul perabot	1 840
Kenderaan (kos)	61 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	12 200
Akaun Belum Terima	6 280
Akaun Belum Bayar	5 052
Pinjaman Azreen	15 000
Bank	57 754
Inventori	31 662
Peruntukan hutang ragu	260
Sewa	9 900
Utiliti	6 000✓
Insurans	3 600
Faedah atas pinjaman Azreen	200
Komisen	1 552
Untung kasar	105 242

Maklumat tambahan:

- (i) Sewa belum bayar RM900.
- (ii) Komisen belum terperoleh RM150.
- (ii) Insurans yang dibayar untuk tempoh setahun berakhir pada 30 Jun 2026.
- (iii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 5% atas baki Akaun Belum Terima.
- (iv) Gaji pekerja RM6 000 tersalah masuk dalam akaun gaji pekongsi Azreen.
- (v) Polisi susut nilai:

Aset Bukan Semasa	Kadar	Kaedah
Perabot	10% setahun	Garis lurus
Kenderaan	20% setahun	Baki berkurangan

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2026. [9 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2026. [6 markah]
- (c) Akaun Semasa pekongsi (beruangan). [8 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2026.
(bahagian Ekuiti Pemilik sahaja) [2 markah]

- 3 Pada 1 Februari 2026, Buku Tunai Perniagaan Hasanah menunjukkan baki seperti berikut:

	RM
Tunai	1 760
Bank	(530)

Berikut merupakan urus niaga sepanjang bulan Februari 2026:

Tarikh	Urus niaga	No. cek	RM
2026			
Feb 3	Jualan tunai dibankkan		2 490
9	Terima cek daripada Inara Enterprise		1 260
10	Bayaran kepada Amna Trading	510251	1 840
11	Ambilan tunai		110
14	Terima cek daripada Mawar		2 340
17	Tunai dibankkan		1 550
22	Belian barang niaga	510252	2 120
25	Terima komisen secara tunai		420
26	Bayaran gaji pekerja	510253	1 800
27	Terima cek daripada Zara		2 920
28	Bayar promosi	510254	490

- (a) **Anda dikehendaki** menyediakan Buku Tunai untuk merekodkan urus niaga berkenaan dan mengimbangkannya di **Lampiran A**.

[13 markah]

- 3(b) Penyata Bank yang diterima oleh Perniagaan Hasanah bagi bulan Februari 2026 adalah seperti berikut:

BANK ISLAM MALAYSIA BHD Penyata Bank					
Perniagaan Hasanah, 67, Kompleks Niaga Jati, 21030 Kuala Nerus, Terengganu.					
Tarikh: 28 Februari 2026 No. Akaun: 1631071014146					
Tarikh	Butir	No.cek	Debit	Kredit	Baki
2026			RM	RM	RM
Feb 1	Baki b/b				439(kt)
8	Cek	510250	969		530(dt)
9	Cek	510251	1 840		2 370(dt)
12	Deposit			1 620	750(dt)
18	Deposit			1 550	800(kt)
20	Buku cek		15		785(kt)
24	Cek	510252	2 120		1 335(dt)
	Perintah sedia ada - Sewa		1 350		2 685(dt)
25	Cek	510253	1 800		4 485(dt)
28	Faedah atas overdraf		167		4 652(dt)
	Pindahan kredit - Amara			1 810	2 842(dt)

Maklumat tambahan:

- (i) Cek yang didepositkan pada 9 Februari 2026 tersilap catat di dalam Buku Tunai.
- (ii) Cek yang dibankkan pada 27 Februari 2026 telah dipulangkan oleh bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar".

Berdasarkan jawapan anda di 3(a), **anda dikehendaki:**

- (1) Mengemaskini Buku Tunai. [7 markah]
- (2) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 28 Februari 2026.

[5 markah]

Bahagian B**[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini*

- 4 Hanifah Frozen Mart merupakan pengedar produk sejuk beku yang beroperasi di Gong Badak, Terengganu. Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perakaunannya pada 30 Jun 2026.

Hanifah Frozen Mart Imbangan Duga pada 30 Jun 2026		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal 1 Julai 2025		82 190
Lengkapan (kos)	15 000	
Kenderaan (kos)	45 000	
Susut nilai terkumpulengkapan		4 500
Susut nilai terkumpul kenderaan		16 200
Akaun Belum Terima	9 800	
Akaun Belum Bayar		9 430
Ambilan	800	
Pinjaman		36 000
Inventori 1 Julai 2025	7 200	
Simpanan tetap	5 000	
Bank	65 650	
Tunai	1 570	
Belian dan Jualan	81 440	128 930
Pulangan	290	
Utiliti	8 500	
Gaji	15 600	
Sewa	18 000	
Insurans	2 400	
Faedah pinjaman	1 000	
	<u>277 250</u>	<u>277 250</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori 30 Jun 2026 dinilai RM18 670 pada harga kos dan RM20 250 pada harga pasaran.
- (ii) Insurans prabayar RM200.
- (iii) Simpanan tetap dengan kadar faedah 8% setahun.
- (iv) Peruntukan hutang ragu diwujudkan 2% atas baki Akaun Belum Terima.
- (v) Pinjaman RM40 000 berkadar faedah 6% setahun diperoleh pada 1 Januari 2026 dan tempoh 5 tahun.
- (vi) Lengkapan disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah atas kos dan kenderaan disusutnilaikan 20% setahun atas nilai buku.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2026. [11 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2026. [9 markah]

- 5(a) Berikut adalah Buku Catatan Pertama yang telah disediakan oleh Encik Shah pada bulan April 2026.

Jurnal Belian

Tarikh	Butiran	Folio	No.Dokumen	Jumlah RM
2026 April 7	Adli Berhad		INV 2265	5 600
30	Akaun Belian			5 600

Jurnal Jualan

Tarikh	Butiran	Folio	No.Dokumen	Jumlah RM
2026 April 20	Perniagaan Laila		INV 3223	2 300
30	Akaun Jualan			2 300

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butiran	Folio	No.Dokumen	Jumlah RM
2026 April 10	Adli Berhad		NK 234	210
30	Akaun Pulangan Belian			210

Anda dikehendaki memindahkan catatan daripada Buku Catatan Pertama ke dalam lejar (tanpa perlu imbangkan).

[6 markah]

- 5(b) Kelab Ping pong Topspin merupakan sebuah kelab yang menyediakan kelas latihan ping pong sebagai aktiviti utama. Maklumat aset dan liabiliti berikut diambil daripada buku kewangan kelab pada 30 April 2026:

Baki aset dan liabiliti:	1 Mei 2025	30 April 2026
	RM	RM
Premis	150 000	150 000
Lengkapan	7 800	8 200
Alatan ping pong	5 200	5 200
Bank	6 430	9 280
Yuran ahli belum terima	140	230
Yuran ahli belum terperoleh	175	160
Kadar bayaran belum bayar	-	115
Sewa gelanggang belum terperoleh	500	-

Ringkasan Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 April 2026 adalah seperti berikut:

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 April 2026			
	RM		RM
Yuran masuk	300	Kadar bayaran	320
Yuran ahli	28 500	Lengkapan	2 100
Yuran pertandingan ping pong	3 000	Belanja pertandingan ping pong	1 300
Sewa gelanggang	9 000	Upah jurulatih	15 000
		Upah penjaga rumah kelab	6 000
		Belanja cetakan	450
		Alat tulis	140

Maklumat tambahan:

- Yuran masuk dianggap sebagai pendapatan hasil.
- Yuran belum terima pada tempoh kewangan yang lepas dapat dikutip RM100 sahaja. Bakinya dianggap sebagai yuran lapuk.
- Alatan ping pong disusunilaikan 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Yuran ahli [4 markah]
- Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 April 2026 [10 markah]

6(a) Maklumat berikut diperolehi daripada rekod perakaunan Sofea Enterprise pada 31 Mac 2026:

2026		RM
Mac 1	Baki debit Lejar Jualan	13 240
	Baki kredit Lejar Belian	15 460
31	Jualan tunai	6 200
	Belian tunai	700
	Penerimaan cek daripada Akaun Belum Terima (termasuk hutang lapuk terpulih RM500)	27 100
	Pembayaran cek kepada pembekal	12 900
	Pulangan jualan	170
	Pulangan belian	390
	Pindahan baki dari Lejar Jualan ke Lejar Belian	350
	Diskaun diterima	290
	Diskaun diberi	200
	Hutang lapuk	430
	Peruntukan hutang ragu diwujudkan	140
	Faedah dikenakan atas hutang pelanggan lewat bayar	130
	Pada 1 April 2026:	
	Baki debit Lejar Jualan	270
	Baki kredit Lejar Belian	310

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima.

[8 markah]

- 6(b) Puan Nilam pemilik perniagaan NILAM Trading di Kuala Nerus, Terengganu. Beliau menyimpan rekod perniagaannya tidak mengikut sistem catatan bergu.

Berikut ialah baki-baki aset dan liabiliti perniagaannya pada 31 Mac 2026:

	1 April 2025	31 Mac 2026
	RM	RM
Kenderaan (kos)	-	35 000
Lengkapan	20 500	20 500
Susut nilai terkumpul lengkapan	2 050	<i>Perlu dikira</i>
Bank	20 000	(800)
Inventori	32 450	30 250
Tunai	3 000	1 200
Akaun Belum Bayar	11 830	13 410
Akaun Belum Terima	12 600	14 790
Sewa belum bayar	600	-

Maklumat tambahan:

- (i) Puan Nilam membayar utiliti RM650 menggunakan wang peribadi.
- (ii) Pemilik mengambil barang niaga RM115 setiap bulan untuk kegunaan keluarganya.
- (iii) Jualan belum terperoleh RM140.
- (iv) Hutang lapuk RM230.
- (v) Pada 6 Oktober 2025, pemilik telah membeli sebuah kenderaan perniagaan. Kadar susut nilai kenderaan ialah 15% setahun atas kos.
- (vi) Lengkapan disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (1) Penyata Mengira Modal pada 31 Mac 2026. [7 markah]
- (2) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2026. [5 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

3 (a)

BUKU TUNAI

[illegible]